

Sukan

SILAT

Tempoh penting bawa silat ke Olimpik

Badan pentadbir sukan di Asia giat sebar pencak silat di benua ini sejak 2009

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

USAHA membawa pencak silat menyertai Sukan Olimpik mencapai tahap penting tahun ini, dengan Persekutuan Pencak Silat Asia (APSIF) mempergiat usaha mengemblem sokongan kesemua negara di Asia pada 2017.

Sejak APSIF dibentuk dalam 2009, sejumlah 28 daripada 44 negara di Asia kini diwakili persekutuan silat, dengan 15 persekutuan turut diiktiraf Majlis Olimpik Kebangsaan (NOC) negara masing-masing, termasuk Jepun dan Kuwait. Tiga lagi persekutuan pula masih dalam proses mendapat pentauliah.

Pengiktirafan NOC penting, kerana ia tuntutan asas bagi sesebuah sukan diterima sebagai sukan Olimpik. Antara syarat utama yang dikenakan SportAccord – badan persekutuan sukan Olimpik dan bukan Olimpik antarabangsa – adalah sesebuah sukan wajar diwakili 40 NOC dari tiga benua berbeza.

Mengambil kira sekurang-kurangnya 14 persekutuan silat Eropah dan Oceania yang




SHEIK ALAU'DDIN: Turut mengetuai Persekutuan Pencak Silat Asia (APSIF). – Foto fail

kini diiktiraf NOC negara masing-masing, silat kini kian hampir memenuhi syarat ini.


Bercakap kepada *Berita Harian* semalam, presiden APSIF, Sheikh Alau'ddin Yaacob Marican, menekankan kepentingan memikat baki negara yang masih belum mendakapi silat di Asia bagi membantu memenuhi kuota ini.

"Saya yakin kami dapat mencapai matlamat ini tahun depan (2017). Paling penting... kami perlu kekalkan dan mempergiat usaha



LALUAN KE SUKAN OLIMPIK

SASARAN 2017:
40 persekutuan pencak silat bertauliah (NOC) dari tiga benua diperlukan bagi diiktiraf SportAccord – antara syarat utama ke Sukan Olimpik



yang telah dimulakan lama sebelum APSIF ditubuhkan," kata Sheikh Alau'ddin yang menjadi presiden sejak tahun lalu.

Sebelum APSIF ditubuhkan, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah membelanjakan \$250,000 bagi menyebarkan silat ke Asia menerusi inisiatif *Silat Goes Global* antara 2007 dengan 2008 – usaha yang mendapat sokongan 19 negara.

Menurut Sheikh Alau'ddin, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi, usaha APSIF bagi membangun silat di pentas Asia dicerminkan penyertaan sukan itu buat julung-julung kali di Sukan Asia 2018. Silat antara enam sukan bukan Olimpik yang bakal ditawarkan di temasya sukan yang berlan-

sung di Jakarta dan Palembang dari 18 Ogos hingga 2 September itu.

"Bukan mudah... pergi ke negara asing bagi memperkenalkan silat dan cuba memikat warga negara itu supaya menceburi silat, terutama dengan bajet yang terhad. Tapi kami lakukan juga kerana kami ingin melihat silat menyerantau," katanya.

Setakat ini, mengikut anggaran Sheikh Alau'ddin, APSIF telah membelanjakan lebih \$300,000 bagi memperkenalkan silat di Asia, termasuk perbelanjaan bagi menyediakan peralatan dan sokongan penjurulatihan di negara-negara tertentu. Tahun lalu, ia membantu menubuhkan ekosistem silat di Kemboja dengan berjaya.

Namun sasaran jangka panjang pihaknya tetap membantu Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) mendapat pengiktirafan yang diperlukan bagi melayakkan silat sebagai sukan Olimpik, seawal 2024.

"Sejak dulu lagi... kita dengar orang berkata tentang usaha membawa silat ke pentas dunia... ke Sukan Olimpik... tapi sampai sekarang... usaha ini masih tinggal kata-kata sahaja," kata Sheikh Alau'ddin.

"Bagi saya, kita perlu proaktif dan gigih berusaha... supaya silat dapat mencapai taraf setanding dengan sukan lain di dunia. Usaha kami ini bukan untuk diri sendiri... tapi untuk pesilat satu atau dua generasi akan datang," katanya.